

13 FEBRUARI 2018

Thailand pusat transit seludup dadah ke Malaysia

Thailand pusat transit seludup dadah ke Malaysia

BANGKOK 12 Feb. - Thailand kini merupakan pusat transit penyeludupan dadah transnasional ekoran serbuan besar-besaran pihak berkuasa yang berjaya merampas sebanyak 250 kilogram dadah jenis methamphetamine semasa cuba diseludup menggunakan kereta api ke selatan negara ini.

Suspek yang ditahan memberitahu polis, kumpulan penyeludup terbabit sebelum ini berjaya menyeludup jumlah dadah yang sama ke Malaysia melalui negara ini.

Dadah tersebut yang turut dikenali sebagai syabu atau 'ice' dianggarkan bernilai 250 juta baht (RM31 juta) dirampas dalam operasi bersama oleh Bahagian Polis Kereta Api (RPD), Bahagian Pencegahan Jenayah dan Bahagian Polis Lebuhraya, lapor portal *Bangkok Post*.

Sebelum serbuan itu, pihak berkuasa menerima maklumat bahawa sejumlah besar dadah telah dipindahkan dari Laos ke Thailand oleh sekumpulan penyeludup yang berjaya membolosi pos kawalan keselamatan



POLIS Thailand bersama-sama rampasan dadah yang dibawa masuk dari sempadan Laos, baru-baru ini. - AGENSI

sempadan beberapa kali dengan membawa jumlah dadah yang lebih kecil.

Dadah berkenaan kemudian dikumpulkan dalam satu serahan untuk dibawa ke Bangkok sebelum dibawa ke Malaysia.

Bertindak atas laporan risikan, RPD telah menghantar pegawai berpakaian preman untuk menaiki kereta api terbabit yang menuju ke Sungai Kolok di selatan negara ini.

Pada 5 Februari lalu, pegawai berkenaan yang menaiki kereta api ekspres Bangkok-Sungai Kolok melihat empat penumpang lelaki yang mencurigakan dalam gerabak kereta api tersebut.

Keempat-empat suspek menyedari kehadiran pihak polis dan cuba melarikan diri ketika kereta api itu berhenti di Ban Pong di wilayah Ratchaburi dengan meninggalkan lima bagasi dan empat guni berisi dadah dalam kereta api itu.